

Ku Li: Perlembagaan benarkan EGM
Malaysiakini.com
Apr 29, 2008

Cadangan menghentikan bahagian Umno mengadakan mesyuarat agung khas (EGM) untuk membincangkan masalah parti akan hanya menggalakkan akar umbi menyuarakan pendapat mereka secara tidak mengikut undang-undang, kata Tengku Razaleigh Hamzah.

"Pemimpin menggesa ahli parti berjumpa mereka. Kenapa mereka tidak menggalakkan mereka mengadakan mesyuarat mengikut prosedur yang ditetapkan perlembagaan parti," katanya.

tengku razaleighBernama memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata, kurangnya mesyuarat dan perundingan akan hanya melemahkan parti.

"Perasaan rakyat tidak dapat dikawal. Jika mahu menjadi stereotaip, dengan itu hanya perlu menulis semuanya dalam sekeping kertas untuk mereka ikuti, ulangi apa yang kita mahu mereka katakan.

"Tetapi ini sebuah negara merdeka dan semua orang berhak menyuarakan apa yang mereka mahu katakan. Sama ada apa yang mereka katakan itu betul atau tidak, biar rakyat menentukannya," katanya.

Tengku Razaleigh, yang juga ahli parlimen Gua Musang, mengulas kenyataan presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam supaya semua bahagian parti berhenti mengadakan EGM untuk membincangkan masalah parti dan menggesa peralihan kuasa.

Ditanya sama ada banyak bahagian merancang untuk mengadakan EGM, Tengku Razaleigh berkata terdapat mereka yang telah bersiap sedia untuk mengadakan mesyuarat itu.

"Perlembagaan parti membenarkannya. Saya bukan kata ia bertentangan dengan semangat (parti) tetapi jika mahu mengadakan mesyuarat agung (khas), tiada yang dapat menghalangnya. Ia dibenarkan oleh perlembagaan.

"Tetapi sama ada mereka boleh mendapatkan sebanyak mana (bahagian) untuk mengadakan mesyuarat serupa supaya mereka dapat mengadakan perhimpunan agung luar biasa, itu merupakan perkara berbeza," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian sidang pertama parlimen ke-12 hari ini.

Mukhriz tidak setuju

mukhriz mahathirSementara itu, Bernama juga melaporkan, ahli parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Tun Mahathir turut tidak bersetuju dengan gesaan presiden Umno supaya bahagian parti tidak lagi mengadakan EGM kerana ia merupakan hak ahli parti.

"Saya ingat tidak sesuai untuk pesiden menyatakan EGM tidak diperlukan kerana ini hak ahli di peringkat bahagian untuk memutuskan sama ada EGM itu diperlukan atau tidak," katanya ketika ditemui di lobi parlimen.

Mukhriz berkata, jika ada bahagian yang mahu terus mengadakan EGM, mereka tidak patut dihalang.

Katanya, beliau berharap ketua-ketua cawangan Umno diberi peluang untuk meluahkan perasaan masing-masing melalui sesi soal jawab dalam perjumpaan dengan presiden parti yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Kalau mereka datang dari seluruh negara berjumpa dengan presiden tetapi jika tidak diberi peluang untuk bercakap, maka saya ingat itu tidak bermakna.

"Biarlah mereka menyampaikan maklumat dan isi hati mereka secara langsung kepada presiden," katanya.

Radzi: Bazir masa

mohd radzi sheikh ahmad Sementara itu, bekas setiausaha agung Umno Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad memberitahu agensi berita itu, mengadakan EGM pada masa ini hanya membazirkan masa kerana perhimpunan agung parti akan diadakan pada Disember.

"Tidak banyak masa yang ada untuk mengadakannya (EGM). Jika mereka mahu lakukan, misalnya, mencadangkan usul untuk memansuhkan sistem kuota, mereka perlukan separuh daripada jumlah bahagian untuk mengadakan EGM.

"Hanya selepas itu baru boleh mengadakan mesyuarat agung luar biasa.

"Tetapi mesyuarat peringkat cawangan akan bermula tidak lama lagi, bulan Julai, jadi tidak ada cukup masa untuk mengadakannya, walaupun ia dibenarkan oleh perlembagaan," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//82117>